

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI
PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT**

DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2

PADA HARI RABU, 18 APRIL 2012

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA II, PARLIMEN MALAYSIA**

RABU, 18 APRIL 2012

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir:

YB. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin
[*Menteri Pengajian Tinggi*] - *Pengerusi*

YB. Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]

YB. Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]

YB. Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]

YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]

YB. Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]

YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Che Seman bin Pa Chik [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)]

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]

Encik Mohd Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan (Perundangan dan Prosiding)]

Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha I (Perundangan dan Prosiding)]

Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha II (Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Parlimen Malaysia

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz [Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa, Universiti Malaysia Pahang)]

Encik Mohamad Onn bin Abd. Aziz [Penasihat Undang-undang]

Encik Raja Adnan bin Raja Ibrahim [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan)]

Encik Suheimi bin Mahbar [Setiausaha Bahagian (Perancangan dan Penyelidikan)]

Encik Syed Zahiruddin bin Wan Alshagaf [Penolong Setiausaha (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan)]

Cik Khairunnisa binti Shariff [Pegawai Tadbir (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan)]

Encik Ahmad Rizal bin Adnan [Pegawai Khas Yang Berhormat Menteri]

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

YBhg. Datin Paduka Che Asmah binti Ibrahim [Pengarah (Bahagian Bahan Berbahaya Jabatan)]

Dr. Che Kodir Baharum [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim)]

Puan Norlin binti Jaafar [Pengarah Penilaian (Jabatan Alam Sekitar)]

Puan Norhayati binti Mohamad Yusof [Ketua Penolong Pengarah (Jabatan Alam Sekitar)]

Puan Nur Syuhaida Mohd Shamsudin [Penolong Pengarah (Jabatan Alam Sekitar)]

(samb/-)

HADIR BERSAMA *(samb/-)***Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [MOSTI]**

YM Dato' Raja Abdul Aziz bin Raja Adnan [Ketua Pengarah,
Lembaga Pelesenan dan Tenaga Atom]

Dr. Noorhasnah binti Mohamed Khairullah [Pegawai Khas (Lembaga Pelesenan Tenaga Atom)]

Puan Nazuha binti Mohd Jai [Penasihat Undang-undang (Lembaga Pelesenan Tenaga Atom)]

Encik Abang Othman bin Abang Yusof [Timbalan Setiausaha Bahagian Industri]

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

YBhg. Dato' Abd. Majid bin Kutiran [Pengarah Kanan (Bahagian Dasar Sektor
dan Hal Ehwal Pelaburan)]

Cik Mastura binti Ahmad Mustafa [Pengarah (Bahagian Dasar Sektor dan Hal Ehwal Pelaburan,
Seksyen Dasar Sektor II)]

Cik Nurshahirah binti Mohd Hadzir [Penolong Pengarah (Bahagian Dasar Sektor II)]

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Puan Habsatullaili binti Hj. Ishak [Penolong Pengarah (Bahagian Penyelidikan
dan Perundangan Teknikal) Jabatan Kerajaan Tempatan]

Kementerian Kewangan Malaysia

Puan Ida Haizura binti Ibrahim [Ketua Penolong Setiausaha (Belanjawan)]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa II, Parlimen Malaysia****RABU, 18 April 2012****Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.02 petang.**

[Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: *Assalaamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang dan salam 1Malaysia. Ahli-ahli Yang Berhormat, Setiausaha Dewan Rakyat, tuan-tuan yang turut hadir. Pertamanya saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana kita dapat hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Projek *Lynas Advanced Material Plant*. Mesyuarat yang pertama kita adakan pada hari ini.

Sebagai mana yang kita maklumkan dan sebagai mana yang kita telah ketahui Jawatankuasa Pilihan Khas ini merupakan satu jawatankuasa yang telah diputuskan oleh Parlimen dan pembentukan jawatankuasa itu juga telah diluluskan dengan Ahli-ahli Jawatankuasa sebagai mana berikut:

- (i) Yang Berhormat Dato' Abd. Rahman Dahlan, Ahli bagi kawasan Kota Belud;
- (ii) Yang Berhormat Tuan Teng Boon Soon, Ahli bagi kawasan Tebrau;
- (iii) Yang Berhormat Tuan Liang Teck Meng, Ahli bagi kawasan Simpang Renggam;
- (iv) Yang Berhormat Puan Hajah Nancy Shukri, Ahli bagi kawasan Batang Sadong; dan
- (v) Yang Berhormat Dato' Zulkifli bin Noordin, Ahli bagi kawasan Kulim Bandar Baharu.

Kita tidak mempunyai tiga orang wakil daripada pihak pembangkang kerana mereka tidak memberi kerjasama kepada penubuhan Jawatankuasa ini. Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah adalah Setiausaha yang merupakan Setiausaha Dewan Rakyat adalah jua menjadi Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas kita pada hari ini. Pada masa yang sama dalam Jawatankuasa ini saya juga melibatkan pegawai-pegawai saya daripada Kementerian Pengajian Tinggi untuk membantu sekretariat.

Saya ingin mengalu-alukan kehadiran dan mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah dilantik dan dapat hadir pada hari ini dan ini merupakan mesyuarat kita yang pertama.

Sama ada ianya sesuatu yang baik bermanfaat ataupun tidak terserahlah kerana kita untuk tahu kita sekarang semua sibuk dengan tanggungjawab di kawasan masing-masing. Manakala pada masa yang sama kita dibebankan, ditugaskan untuk melihat kepada perkara ini dan kita berharap peranan kita menjayakan jawatankuasa ini akan dapat menyumbang sesuatu kepada isu dan kemelut yang dihadapi dalam soal Lynas ini.

Tujuan kita panggil mesyuarat hari ini adalah selaras dengan usul yang telah dikemukakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Projek Lynas Advanced Material Plant di bawah Peraturan Mesyuarat 81(1) dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada hari Selasa, 20 Mac 2012. Menurut Peraturan Mesyuarat 76(2), Jawatankuasa Pemilih telah mengeluarkan penyata bagi melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas ini dan penyata tersebut telah dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada 22 Mac 2012. Tarikh tamat tempoh Jawatankuasa ini adalah pada hari Selasa 19 Jun 2012. Cukup tiga bulan. Dijangkakan pada tarikh tersebut Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat sedang bersidang membahaskan rang undang-undang dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Parlimen Kedua Belas. Dijangkakan.

Melalui usul tersebut jawatankuasa telah diberi tanggungjawab untuk meneliti isu-isu yang menjadi perhatian awam serta standard keselamatan projek Lynas ini. Jawatankuasa dikehendaki menyiapkan dan membentangkan satu penyata jawatankuasa yang mengandungi syor-syor yang dibuat jawatankuasa kepada Dewan Rakyat. Tempoh masa pelantikan Jawatankuasa kita ini adalah selama tiga bulan iaitu dari bulan Mac 2012 hingga Jun 2012 dan ia boleh dilanjutkan sekiranya diluluskan oleh Dewan Rakyat. Kita tidak dapat hendak bermula awal kerana ada prosiding *judicial review* dan sebagainya. Akan tetapi keputusan mengenai *judicial review* itu telah pun ditetapkan, jadi atas sebab itulah baru hari ini baru kita dapat bermesyuarat bagi kita menjayakan Jawatankuasa ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat pada hari ini adalah merupakan pengenalan kepada semua berkenaan tugas yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat kepada kita. Untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan itu, adalah dicadangkan supaya jawatankuasa ini memberikan tumpuan kepada hal-hal seperti berikut:

- (i) meneliti isu-isu keselamatan, kesihatan, dan alam sekitar berhubung dengan projek Lynas; dan
- (ii) meneliti proses dan pelaksanaan prosedur perlesenan dan kelulusan berdasarkan peruntukan undang-undang serta standard keselamatan yang berkuat kuasa.

Bagi melaksanakan tugas yang telah diserahkan, saya mencadangkan agensi yang terlibat secara langsung dalam projek Lynas untuk menjadi agensi teraju ataupun *lead agency* iaitu:

- (i) Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI);

- (ii) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar;
- (iii) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- (iv) Kementerian Kesihatan;
- (v) Kementerian Pengajian Tinggi;
- (vi) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
- (vii) Kementerian Kewangan.

Di samping itu bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak awam jawatankuasa akan mengadakan pendengaran awam ataupun *public hearing* serta menggunakan lain-lain saluran yang praktikal seperti e-mel dan juga laman web.

■1510

Pendekatan ini adalah seperti mana yang lazim digunakan oleh semua jawatankuasa pilihan khas sebelum daripada ini. Pada hari ini kita berharap mesyuarat kita dapat membincangkan isu-isu dan agenda yang dapat kita laksanakan sepanjang tempoh penubuhan jawatankuasa ini. Oleh yang demikian eloklah kita meneruskan mesyuarat ini dengan agenda yang seterusnya.

Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha]: Tuan Pengerusi, boleh saya menjemput kementerian lain...

Tuan Pengerusi: *At this junction, do we want to discuss and elaborate on the term of reference first* ataupun kita terus menjemput, adakah kita bersetuju dengan *all the lead agency* tadi?

Datuk Roosme binti Hamzah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] because in the last experience from our other special select committee with agencies TERAJU lah yang membantu jawatankuasa ini, because the field is quite wide* dengan ini kan, ia melibatkan beberapa agensi yang lain.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Roosme binti Hamzah: Yes.

Puan Hajah Nancy Shukri: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Roosme binti Hamzah: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Roosme binti Hamzah: Kalau Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Okey boleh jemput, panggil mereka. Kementerian Pengajian Tinggi memang sudah ada di dalam. So, kita dengan mereka bersama-sama dengan kita, kita boleh mula untuk mendapatkan input dan komen mengenai terma-terma rujukan supaya kita dapat melaksanakan tanggungjawab kita ini dengan sebaik mungkin. Terma rujukan seperti yang ada di....

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Roosme binti Hamzah: Belum, belum.

Tuan Pengerusi: Belum, belum *you discuss...*

Datuk Roosme binti Hamzah: Kita ini..., ini *very-very...*

Tuan Pengerusi: Itu agenda ketiga.

Datuk Roosme binti Hamzah: Yang Berhormat ini...

Tuan Pengerusi: *Now we discuss first on our term* atau terma yang...

Datuk Roosme binti Hamzah: Yang inilah.

Tuan Pengerusi: ...Dewan Rakyat bagi kita, kita tidak boleh lari dari itulah...

Datuk Roosme binti Hamzah: *That one simple based on*, Yang Berhormat tengok yang ini Yang Berhormat, yang ini *you have to read together with our Usul*, Usul itu di belakang Usul itu meneliti isu yang menjadi perhatian pihak awam serta standard keselamatan. Kalau Yang Berhormat tengok kita punya dekat belakang itu kan, ada *our Usul...*, itu yang Usul itu. *So the Usul itu is actually the term of reference*, kita hendak *elaborate further will be* yang dicadangkan inilah *because we have to bear in mind, our tempoh is just three months*.

Tuan Pengerusi: Tinggal berapa lagi?

Datuk Roosme binti Hamzah: *[Ketawa]* Kita kena *countdown* berapa bilangan hari yang ada...

[Wakil-wakil Kementerian dan agensi mengambil tempat]

3.17 ptg.

Tuan Pengerusi: Okey saya bagi pihak jawatankuasa mengalu-alukan kehadiran semua agensi-agensi yang dapat bersama untuk menyumbangkan kepada kejayaan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Projek Lynas Dewan Rakyat Parlimen Ke-12 pada hari ini. Agensi-agensi yang terlibat ialah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Kewangan.

Kita sekarang berada kepada perkara kedua dalam agenda kita iaitu kita akan membincangkan mengenai terma rujukan jawatankuasa dan kita berpendapat dalam kita hendak membincangkan terma ini adalah sesuai untuk kita menjemput agensi-agensi untuk bersama supaya mereka boleh membantu kita dalam soal hendak menetapkan terma rujukan itu.

Apa yang kita ada pada hari ini, terma rujukan yang kita dapati yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada 20 Mac 2012 yang lepas iaitu untuk meneliti isu-isu keselamatan, kesihatan dan alam sekitar berhubung dengan projek ini.

Dan yang keduanya meneliti proses dan pelaksanaan prosedur pelesenan dan juga kelulusan berdasarkan peruntukan undang-undang serta standard keselamatan yang berkuat kuasa. Ini adalah terma rujukan yang diberikan kepada kita.

Datuk Roosme binti Hamzah: Tuan Pengerusi, di dalam Usul itu, yang diputuskan *very specific to* isu-isu yang menjadi perhatian pihak awam serta standard keselamatan projek. *So further elaboration* ini yang dicadangkanlah iaitu yang pertama dan yang kedua, sekiranya Jawatankuasa bersetuju dan kita mengguna pakai kedua-dua *term of reference*.

Tuan Pengerusi: Jadi saya buka untuk perbincangan sama ada daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ataupun wakil-wakil kementerian mengenai terma rujukan, sila. *Are we satisfied, is it adequate term of reference.*

Datuk Roosme binti Hamzah: Okey Yang Berhormat, *because we have to read together with...*

Puan Hajah Nancy Shukri: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Pengerusi, *are the term of references is fixed, is there any room for us to adjust the term of reference?*

Tuan Pengerusi: *That is why we discussing it now. What is it, so that we can discuss.*

Tuan Teng Boon Soon: *Ya, I feel that the whole scenario is like this because they have it, they have been very intensive campaign of fear among their rakyat and as what we observed, it is already successfully induce fear among their public concerning the Lynas plant and the radioactive effect as a result of operation of this plant and result planting temporary operation license like. Is it necessary for us also addressing the problem of this aspect which is the fear aspect which has been or which had been done by their certain party in since the campaign of Anti-Lynas began.*

Tuan Pengerusi: Kita kena persoalkan mengapa perlunya ada jawatankuasa khas ini, kalau kita lihat dari segi apa yang telah dibuat oleh kementerian-kementerian sebelum daripada ini, soal keselamatan, soal memanggil *expert* memang semuanya telah pun juga dibuat, *so they must be something beyond* apa yang telah dilalui itu, yang perlu mungkin juga kita beri perhatian supaya kita dapat melakukan nilai tambah kepada apa yang telah dibuat oleh kementerian terdahulu. Kita tahu bahawa analisis seperti kata Yang Berhormat Tebrau tadi, media soal berkisar mengenai isu ini adalah negatif.

■1520

Kita tahu persepsi masyarakat mengenai soal keselamatan dan juga mengenai projek ini adalah juga negatif dan sebagainya. Mungkin ini antara perkara yang perlu kita berikan perhatian. Kalau selama ini mungkin kementerian-kementerian yang terlibat hanya bercakap mengenai soal keselamatan dan sebagainya, kita tahu bahawa projek ini juga ada meliputi hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi, teknologi, sosial sama ada wajar untuk kita melihat juga pada aspek-aspek itu ataupun tidak.

Puan Hajah Nancy Shukri: Tuan Pengerusi, *can I just find out because here memang ia very wide. But I think along the way, we need to get some expert opinions or perhaps maybe would like to go to the ground to see and then make comparison and to get some personel, or perhaps maybe you have to go personal experiences on seeing the actual operation of this. So I wondered if that would be covered under these two or perhaps maybe we want to add on to the sub of the terma rujukan. Because we have to put it in whether under one or two for that purpose. Thank you.*

Datuk Roosme binti Hamzah: Tuan Pengerusi, *can I just added from experience that macam Yang Berhormat sebut could be under pendekatan, how is the approach. Akan tetapi in terms of terms of references, this could covered, I do not know. But then, the approach that we are going to do, could it be in the form of lawatan, could be in the form of apa yang kita mungkin cadangkan daripada Jawatankuasa.*

Tuan Teng Boon Soon: *May I add some more because the had been clamoring for public consultation. Kalau kita baca dalam akhbar Cina, liputan Anti-Lynas Campaign begitu luas. Hampir setiap hari sehingga ia mengeluarkan advertisement full page of the previous case in Bukit Merah, that damaged done in Bukit Merah. So, tujuannya saya rasa sudah berjaya menanamkan perasaan takut di dalam hati rakyat. Jadi, kalau kita semata-mata menuju, memfokuskan isu-isu saintifik atau teknikal, mungkin kita akan mengabaikan implikasi sosial. Saya rasa impak sosial itu adalah begitu besar.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Tuan Pengerusi, soal Lynas ini sebenarnya telah banyak dibincangkan. Saya kira banyak, sudah banyak agensi kementerian, pihak-pihak yang berkenaan membuat banyak konsultasi. *Maybe not enough* seperti Yang Berhormat Tebrau cakap tadi. Akan tetapi *I think for the purpose of this meeting, if I may suggest, we do not reinvent the wheel. If we go down to the ground, basically we get the empirical data* atau lebih kurang sama sahaja *which have already been done by previous, the ministries and all that. Otherwise,* kalau tidak kita akan mengulangi proses itu.

Akan tetapi pada masa yang sama juga, Jawatankuasa ini mesti dilihat sebagai satu Jawatankuasa yang bukan memihak kepada kerajaan. *Otherwise, we will just be here as rubber-stamp. Therefore, I agree with* Yang Berhormat Tebrau, satu, kita perlu mendengar sekali lagi mungkin pendengaran awam. Itu yang paling penting tetapi *to alive public fears* ini yang *comparison of technologies* tahun 1970-an di Bukit Merah dengan yang ada di Gebeng sekarang ini, itu amat penting. *I think that is very important to once and followed answers some of this question.*

Kalau kita balik, *you know,* IAEA sudah buat semua itu, *we are repeating it. I do not know how far we can go* lah. Akan tetapi pada saya, saya rasa kita perlu – yang benda sudah dibuat, kita ambil sebagai *empirical data* dan kita hanya melihat pada perkara-perkara yang lebih besar. *Otherwise we will be...*

Tuan Teng Boon Soon: *Unanswered question.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan: *Yes. The unanswered question.*

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Pengerusi, saya hendak memberikan pandangan sedikit. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Belud dengan Yang Berhormat Tebrau. Dari segi saintifik, daripada segi data, kita sudah ada jelas dah itu. Cuma masalahnya kes ini telah dipolitikkan sampai ke peringkat seperti kata Yang Berhormat Tebrau yang saya setuju, sudah menimbulkan satu ketakutan. Jadi saya fikir ia punya terma rujukan itu, *address* yang itu.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: *The concern.*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *The concern* itu. *Address* yang menjadi perhatian pihak awam dalam bentuk seperti kata Yang Berhormat Kota Belud, kita tidak mahu dilihat pula sebagai satu badan yang hendak membela kerajaan. Jadi, terma rujukan adalah untuk mengesahkan atau menafikan ancaman keselamatan itu untuk mengesahkan ketakutan itu betul atau tidak ataupun apa dia. Saya ingat kita perlu *go beyond that*. Kalau setakat data-data, saya ingat kementerian semua sudah ada dah benda itu. Sudah dibangkitkan dalam Parlimen banyak kali pun. Jadi, kalau terma rujukan kita di situ dengan memahami *backgroundnya*, ia adalah isu yang dipolitikkan dan pendekatan itu nanti, kita guna pendekatan untuk *solve problem* itu, menghilangkan ketakutan.

Seperti contoh kita boleh panggil mereka yang terlibat. Kita boleh panggil mereka yang ketakutan. Kita boleh panggil pakar nuklear yang ada sendiri dalam kalangan kita, Yang Berhormat Hulu Langat. Kita boleh panggil termasuk Yang Berhormat Kuantan, dengan data-data yang kita ada, kita tanya dia, apakah yang membuatkan dia membawa risalah ketakutan kepada rakyat ini, kalau betul. Kalau dia boleh *confirm*, *then* kita buatlah keputusan. Yang penting hendak mengesahkan atau menafikan ketakutan itu *real* ataupun persepsi sahaja. Jadi, terma *references* itu, saya rasa di situ yang lebih penting sebab Jawatankuasa ini dipilih, dilantik untuk tujuan itu. Itu pandangan yang saya boleh berikan setakat ini.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: *I think* Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan dua orang Yang Berhormat. Jadi, kita punya *target*, saya rasa NGOs yang bantah habis-habisan ini. Kita hendak mendengar apakah alasan mereka sebab hendak membantah projek ini, itu yang penting. Jadi adakah kita hendak mendengar dahulu *public hearing* selepas itu baru kita hendak *look into* semua agensi, hendak mendengar penjelasan daripada agensi dahulu ataupun mana satu dahulu. Itu yang saya rasa patut kita bincangkan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Tuan Pengerusi, yang Nombor 2 ini penting – “Meneliti Proses dan Pelaksanaan Prosedur Pelesenan Kelulusan” ini Berdasarkan Peruntukan Undang-undang. Salah satu perkara yang menjadi perdebatan hebat di luar sana ialah kewibawaan AELB.

Macam mana pun Yang Mulia Dato' Raja Abdul Aziz mengatakan ini kewibawaan kami...
[Disampuk] *Sorry Sir. I did not see you.* Macam mana Dato' Raja Abdul Aziz mengatakan bahawa

kewibawaan AELB dengan bermacam-macam saintifik, pendekatan, mereka mempertikaikan dapatan tersebut. *I think we need to address that because* kalau *you* tidak percaya kepada agensi penguatkuasaan *then the whole things* ini... Saya rasa kiranya *lets, you know for the benefits of the people, lets zoom into whether or not AELB* ini berwibawa atau tidak. Ia mempunyai kelayakan atau tidak untuk menentukan keselamatan dan juga kesihatan alam sekitar berhubung Projek LAMP ini. *I think that is also very important points which is already included here.*

Tuan Pengerusi: Okey. *Can we have response* daripada agensi, kalau ada. Kalau kita lihat pada terma rujukan, kita diminta untuk meneliti isu-isu keselamatan, kesihatan...

■1530

Datuk Roosme binti Hamzah: Dalam isu ini, dia *quite general*, dia hanya meneliti isu-isu yang menjadi perhatian pihak awam serta standard keselamatan.

So... [Disampuk] Di belakang itu Usul, hanya untuk makluman, *I have already set around together with the Ministry, we had a meeting last Friday.* Kita cuba menjurus kepada apa yang telah diputuskan dalam Dewan, tapi *we brainstorm among ministry* untuk memikirkan apakah ruang lingkup yang *achievable* dan dapat dilaksanakan *within this three month* dan juga apa skop yang difokuskan oleh Usul yang telah diputuskan, *so that was what* kita buatlah.

Tuan Pengerusi: *That why from the pre council that has been done.* Kita diminta untuk meneliti isu-isu yang mana *through the pre council* telah dipecahkan kepada soal keselamatan, kesihatan dan alam sekitar. Saya percaya, adalah tidak rugi kalau kita berjumpa sekali lagi dengan pihak-pihak yang mempunyai masalah. Saya ingat itu antara tujuan, jika tidak kalau kita hanya ambil daripada apa yang telah diputuskan dahulu, *people will not see the role* Jawatankuasa ini dan tidak akan dirasai kewujudannya.

Namun tapi dalam pemikiran kita, kita memang hendak meneliti apa sebenarnya masalah kebimbangan isu yang dibangkitkan oleh semua orang, *so we will have to identify who are these people, who are these NGO, and I think* kita kena panggil dan jumpa mereka. Daripada situ, *we have to...*, kita tengok dari segi jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan itu melalui kerjasama daripada *expertise* kita dan juga daripada agensi dan juga kementerian yang terdapat bersama kita pada hari ini untuk mereka berikan pandangan-pandangan mereka.

Kita tahu bahawa memang ada sebelum ini laporan yang dikemukakan oleh IAEA, kita telah jemput *International Review Mission* dan hasil daripada itu, mereka ada buat kalau tidak salah saya 10 cadangan. Mungkin kita hendak tahu daripada agensi, kementerian kita yang bertanggungjawab, apakah tindakan yang diambil untuk menyahut cadangan-cadangan yang dibuat mungkin oleh *International Atomic Energy Agency* dan sebagainya.

Ini kerana, dalam semua..., walaupun kita tahu ini adalah hasil daripada kajian yang dibuat, *actually* apa yang dibangkitkan itu hanya satu tindakan eksploitasi politik dan *perception, that nothing wrong* tetapi semua mungkin boleh terima hakikat walaupun undang-undang dan

peraturan kita *of worth than that* tetapi yang orang takut adalah kita punya budaya penguatkuasaan. Kita selalu lemah penguatkuasaan, *how do we address issue* penguatkuasaan? *Our law first class*, semua laporan cakap *the law is first class* tetapi *our enforcement*. Jadi ini antara yang mungkin perlu kita beri perhatian dan sebagainya.

Datuk Roosme binti Hamzah: Tuan Pengerusi, *just for information* kepada Ahli-ahli Jawatankuasa, satu, selalunya apabila kita buat *public hearing*, *what happen is* memang kita hendak *whoever come to the public hearing*, sesiapa yang datang kita hendak mereka *able to hear and able to see what ever is happening* dalam kalau bilik kita itu kecilkan, macam kita buat hari itu, kalau bilik ini kecil, *the other room* ada *live TV*, *they can also hear what are the proposal*, apakah teguran daripada Pengerusi dan sebagainya *because this is like mini Parliament session*.

So, segala peraturan-peraturan Dewan itu masih berkuat kuasa, tidak boleh menggunakan perkataan-perkataan yang tidak bersesuaian dalam Parlimen *and those sort of thing*. *So most of the time*, apabila kita buat *the publicity there, is available*. *Whoever come then this is live*. *Live is the sense that everybody can see whatever is happening* di dalam bilik mesyuarat itu tetapi bukanlah *live streaming direct* kepada mana-mana. Katakanlah *we had here*, di bilik sebelah itu, *we have a big screen, they were be able to hear and even the press, they are able to come and listen and follow the all proceeding...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Yes, we did for pilihan raya*. So macam di sini, kita ada Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili *Chaired and the other room we have the big TV and all the press they stayed inside there*.

So whoever come yang mana kita belum jemput untuk memberikan pandangan, dia tunggu di bilik itu, tetapi kadang-kadang mereka marahlah, *they would like to be here, sometime the constraint is the room size, so we allowed them to be in the other room, then they can hear what is the suggestion by the other* persatuan, individu yang datang pada *public hearing* itu. *I also would like to have a guide as to how we want to address the public hearing of Lynas, because our previous way of pendekatan has always been very open in the sense that we have it a special* dalam *website* Parlimen, Jawatankuasa Pilihan Khas berkenaan dengan Pilihan Raya.

Di dalam itu segala macam kita akan letakkan, *even we had* macam poskad yang kita *give to members of Parliament for them to give people in their kawasan*, kita ada *various part of the country that we went to get information from individual and also* persatuan dan pertubuhan. Masa itu kita hendak *as much information*, so dalam jawatankuasa ini adakah *we want to have that sort of pendekatan* ataupun *merely we want to concentrate in Pahang* kepada pihak-pihak yang *interested party there* ataupun *NGO-NGO that has shown interest into this issue, that also we can decide from the Jawatankuasa because previously it was open floodgate, we got million-millions of email* yang datang, tetapi kita lebih mengambil kira apa yang telah disampaikan melalui

memorandum oleh pertubuhan dan institusi dan juga daripada individu yang datang dalam *public hearing*. Itu pendekatan yang lepas bagi Jawatankuasa SPR, itu Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Satunya, kita ni terhad dari segi waktu, tiga bulan, sekarang tinggal dua bulan. Kemudian *maybe weightage more to* Kuantan tetapi kita juga buka kepada semua pihak yang ada memberi perhatian kepada soal ini. Akan tetapi bukan maknanya kita hendak buat di merata negeri, kita hanya buat di Kuantan, dan di Kuala Lumpur. Berbeza dengan Jawatankuasa Pilihan Khas Pilihan Raya, yang ini kita buat di KL dan Kuantan dan apabila kita ada *public hearing* kita jemput mereka di dua tempat ini dan kita tidak buat tempat lain. Akan tetapi *we should not stop other people from coming and give their views*. Ini kerana kita tidak fikir semua orang pun akan – sebab ini *very technical innature*.

Datuk Roosme binti Hamzah: Itu yang saya juga hendak *guide from this* Jawatankuasa *how we are...*

Tuan Pengerusi: Kementerian-kementerian, *do you think* kita punya *term of reference is adequate* atau hendak tambah?

■1540

Datuk Roosme binti Hamzah: Tuan Pengerusi, *usually we call it* kalau kita punya prosiding ini *is very much in camera* lah. Kita sahaja Jawatankuasa untuk Tuan Pengerusi dapatkan input untuk bagi *Members enlighten on the issues*. Akan tetapi bila *public hearing then it is open*. *Open public* yang bagi input. *Ministry not voice anything* lah...

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Roosme binti Hamzah: *Sorry. They can attend but it is not proper for them to be responding in public*. Maksudnya begini. Apabila kita buat *public hearing, we would have it* melalui *recording*. Kita akan ada laporan prosiding dan kita seharusnya ada perkara-perkara yang jabatan-jabatan itu akan sebagai agensi teraju mengambil perhatian terhadap apa-apa perkara yang dibangkitkan. Kemudian, kita minta pula kementerian yang berkaitan beri *feedback* tentang apakah perkara-perkara yang telah dibangkitkan supaya kita tahu dari segi maklum balas daripada pihak kementerian ataupun agensi yang berkaitan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan.

Itu pendekatan yang lepas apabila kita buat *public hearing. All these issues* disenaraikan dan ada pula satu ruang dalam laporan kita yang ada maklum balas dari kementerian. *So, at that juncture*, pihak kementerian yang hadir bersama-sama dengan kita macam ini, kita akan minta untuk memberi *input* tetapi *those information will be used for* Jawatankuasa bukan *the public* untuk mengetahui sama. *Most of the time*.

So macam *as we mentioned that one*, macam kalau kita *approved* dalam cadangan kita, dalam kita punya jadual tugas itu, adalah kita hendak satu *session* dengan pihak-pihak yang berkaitan yang mungkin dapat *enlighten Members on the current situation so on, it is not public*lah. *It's within camera* dalam mesyuarat kita.

Tuan Pengerusi: Kita *continue with this. Unless there will be others circumstances* nanti in the meeting you all can advise us. Ramai lawyers sini bukan?

Datuk Roosme Hamzah: Ramai. Kita panggil semua *lawyer* kementerian... [Ketawa]

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Yang membuat *law* ramai?

Datuk Roosme Hamzah: *Law?* Ramai... [Ketawa]

Tuan Pengerusi: *So okay that how we are going to approach the terms of reference. So,* bagi melaksanakan itu, memang kita kena buat pertemuan dan perjumpaan. Hanya tadi yang Dato' Raja Abdul Aziz sebut kalau katakanlah *it is an open* masa *public hearing* perkara-perkara yang mungkin menjejaskan - itu sahaja *because we know that this is judicial review and all those things.* Itu sahaja, macam mana kita hendak *balance that thing?*

Encik Mohamad Onn bin Abd. Aziz: Tuan Pengerusi. Kalau *course work* dibangkitkan dalam mana-mana *public hearing* itu nanti, so kami akan *advise* Jawatankuasa itu berhenti daripada meneruskan ataupun *don't respond to the question* sebab benda itu pending. *Then we can stop. We concentrate on the issues.*

Tuan Teng Boon Soon: *You advise us?*

Encik Mohamad Onn bin Abd. Aziz: *Yes we can advise, insya-Allah.*

Tuan Pengerusi: Dalam kita bergerak, kita perlu ambil tadi Yang Berhormat Kota Belud ada sebut, *we have to be seen to be fair and not siding anybody.* Pada masa yang sama kita perlu gunakan ini untuk kita menjelaskan supaya kita dapat membetulkan pandangan masyarakat terhadap soal Lynas. Kalau kita buat secara senyap, diam kita tidak akan dapat ubah *perception* itu. *We are going to call as many experts as possible for them to tell us what actually this project all about is.* Akan tetapi kalau kita tidak gunakan pendekatan untuk terangkan, *we were never educate the public.*

So itu sebabnya dalam kita mengadakan, menggerakkan Jawatankuasa dan apa sahaja pelaksanaannya ada *indirect objective is to educate the public* supaya kita dapat pecahkan *that perception. What is the truth, what is the real fact about this issue?* Mengapa rakyat ataupun mereka percaya persepsi? Mengapa mereka tak nak percaya kepada kebenaran? *What is it we are to. So* mungkin yang itu kita tidak boleh lari. Kalau tidak sama jugalah *because all the ministry sudah...* Profesor Badrul? Profesor Badrul daripada Universiti Malaysia Pahang dia akan membantu kita dalam Jawatankuasa kita.

Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz [Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Pahang]: Saya rasa saya bersetuju dengan pendapat tadi yang kita kena *regulator* itu kena buat *I think* walaupun PSC sedang berjalan. Akan tetapi saya rasa usaha-usaha sedang dibuat sebenarnya, contohnya semalam sudah dua hari kami bengkel di Akademi Sains Malaysia melihat kepada peranan *rare earth* untuk dimasukkan ke dalam silibus universiti - yang akan dijalankan.

In fact beberapa siri penerangan kepada masyarakat di Kuantan pun sedang dibuat dan akan dibuat. *So whatever happens* dalam PSC pun saya rasa kita kena teruskan juga. *In fact* masa saya terbabit dalam Bukit Merah dahulu pun saya rasa isu ini isu yang telah banyak dipolitikkan dan bukan berdasarkan kepada fakta yang telah diberi. Contohnya mungkin wakil Kementerian Kesihatan pun sahkan macam mana ada atau tidak penjelasan yang dibuat sama ada orang itu kena kanser, leukemia dan sebagainya itu ialah berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dibuat. Jadi perkara-perkara ini perlu kita terangkan apa perbezaan antara Lynas isu dengan Bukit Merah.

Akan tetapi saya rasa kena pergi lebih jauh lagi. Kita lihat apa *why the rare earth become the strategic because* satu *issue*. *It is not only about* Lynas walaupun PSC ini untuk Lynas tetapi saya rasa kita kena *go beyond that* supaya masyarakat faham tentang perkara kebenaran ini. Kalau tidak saya kita akan sentiasa berdepan. Saya rasa IAEA punya *report* itu pun *is already* kalau kita baca betul-betul sudah mencukupi sebenarnya. Apa yang disebut 10 *recommendation* pun ialah penambahbaikan saya rasa. Dia bukan dikatakan perlu di *conclusion-* telah memenuhi *there none complaints* dan mereka telah memberikan pujian kepada EALB dan juga Lynas atas usaha-usaha yang telah diambil.

Tuan Pengerusi: Okey. So saya...

